

Polisi

# ALLIANZ TRAVEL EASY (LUAR NEGARA)



## JADUAL FAEDAH-FAEDAH – LUAR NEGARA

		Pelan	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
			Dewasa Tahunan		Kanak-kanak Tahunan	
Faedah		(RM)				
<b>(A) Faedah Kemalangan Diri</b>						
Seksyen 1	1	Kematian akibat Kemalangan (Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan)	200,000	100,000		800,000
	2	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)				
	3	Perbelanjaan Pengebumian (sehingga)	10,000	10,000		20,000
<b>(B) Faedah Berkaitan Perubatan</b>						
Seksyen 2	1	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	200,000	100,000		800,00
			Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-limit RM500			
Seksyen 3	1	Pemindahan Perubatan Kecemasan (sehingga)	1,000,000	1,000,000		1,000,000
	2	Repatriasi Rawatan Kecemasan (sehingga)				
	3	Repatriasi Jenazah (sehingga)				
	4	Rawatan Susulan (sehingga) (maksima 45 hari)	50,000	25,000		150,000
	Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-limit RM500					
	5	Pendapatan Hospital (setiap hari) (sehingga)	350 setiap hari up to 15,000	200 setiap hari up to 7,500		1,000 setiap hari up to 24,000
	6	Perlindungan Kuarantin disebabkan Penyakit Wajib Lapor	300 setiap hari sehingga 2,000	300 setiap hari sehingga 2,000		300 setiap hari sehingga 5,000
	7	Faedah Lawatan Ehsan (disebabkan Penyakit, Kecelakaan atau Kematian Orang Yang Diinsuranskan) (sehingga)	7,500	7,500		17,500
	8	Penjagaan Kanak-kanak (sehingga)	7,500	7,500	Tidak Dilindungi	17,500
9	Penghantaran Ubat-ubatan (sehingga)	5,000	5,000		5,000	
<b>(C) Faedah Kesulitan Perjalanan</b>						
Seksyen 4	1	Pembatalan Deposit atau Perjalanan (sehingga)	25,000	25,000		55,000
Seksyen 5	1	Pemendekkan Perjalanan (sehingga)	25,000	25,000		55,000
Seksyen 6	1	Bagasi Peribadi atau Barangan Peribadi (sehingga)	5,000	5,000		15,000
			Tertakluk kepada had agregat RM1,000 untuk Peranti Pintar dan had RM500 bagi semua barangan lain			
Seksyen 7	1	Dokumen Perjalanan (sehingga)	5,000	5,000		15,000
Seksyen 8	1	Kelewatan Bagasi (sehingga)	800	800		2,000
			(Min 6 jam)			

		Pelan	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
			Dewasa Tahunan		Kanak-kanak Tahunan	
Faedah		(RM)				
Seksyen 9	1	Kelewatan Perjalanan	300 setiap 6 jam sehingga 2,000	300 setiap 6 jam sehingga 2,000		300 setiap 6 jam sehingga 6,000
Seksyen 10	1	Terlepas Perjalanan (sehingga)	2,000	2,000		4,000
Seksyen 11	1	Terlepas Sambungan Perjalanan (sehingga)	300	300		1,200
Seksyen 12	1	Tempahan Perjalanan Berlebihan	300	300		1,200
			(Min 6 jam)			
Seksyen 13	1	Kos tambahan bagi Kereta Sewa/ Campervan (sehingga)	1,500	1,500	Tidak Dilindungi	1,500
Seksyen 14	1	Liabiliti Peribadi (sehingga)	1,000,000	1,000,000		1,000,000
Seksyen 15	1	Rampasan	400 setiap hari	400 setiap hari		700 setiap hari
			sehingga 20 hari (Min 12 jam)			
Seksyen 16	1	Wang Peribadi (sehingga)	1,000	1,000		2,400
Seksyen 17	1	Indemniti Kad Kredit/Kad Caj (sehingga)	5,000	5,000	Tidak Dilindungi	10,000
Seksyen 18	1	Hotel Haiwan Peliharaan (sehingga)	300	300	Tidak Dilindungi	300
Seksyen 19	1	Penjagaan Rumah (sehingga)	6,000	6,000	Tidak Dilindungi	6,000
Seksyen 20	1	Kehilangan Deposit atau Kehilangan Bayaran Penuh Disebabkan Syarikat Insolvensi Penerbangan/Agensi Pelancongan	5,000	5,000		15,000
Seksyen 21	1	Perlindungan Ekses Kereta Sewa (sehingga)	2,000	2,000	Not Covered	2,000
Seksyen 22	1	Keganasan	Dilindungi			
<b>(D) Sukan Tambahan- Rider Pilihan (Dengan Premium Tambahan)</b>						
<b>Rider Pilihan 1</b>						
Seksyen 23 (A)	1	Aktiviti Sukan	Ada	Tiada	Ada	Ada
<b>Rider Pilihan 2</b>						
Seksyen 23 (B)	1	Pendakian Beraltitude Tinggi	Ada	Tiada		
<b>Berkenaan dengan Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Pilihan Rider 1 dan Rider Pilihan 2</b>						
Seksyen 23 (C)	1	Kerosakan Alat Sukan (sehingga)	1,000	Tiada	1,000	1,000
<b>(E) 24/7 Bantuan Perjalanan Seluruh dunia</b>			Termasuk			

**Note:** Di bawah Pelan Keluarga, pembayaran setiap individu akan berdasarkan had di bawah Pelan Dewasa dan/atau Pelan Kanak-Kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada had maksima seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah.

# ALLIANZ TRAVEL EASY (LUAR NEGARA)

Sebagai balasan terhadap premium yang diterima, **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674) (735426-V)** ("Syarikat") akan membayar ganti rugi **Anda** sekiranya terdapat mana-mana kejadian yang mungkin berlaku yang dilindungi semasa **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendoskan di sini.

## BAHAGIAN 1 – FAEDAH-FAEDAH

Faedah-faedah berikut perlu dibayar sehingga Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan/jumlah faedah berkaitan yang ditentukan dalam jadual faedah menurut jenis pelan **Anda**, tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, had maksima bagi setiap individu di bawah pelan keluarga hendaklah berdasarkan had di bawah pelan dewasa dan/atau pelan kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada had maksima agregat untuk faedah yang berkaitan di bawah pelan keluarga seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah.

### (A) FAEDAH KEMALANGAN DIRI

Di dalam faedah berbayar di bawah Seksyen 1.1 dan 1.2, jika lebih daripada seorang **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi, tanggungan agregat maksimum untuk semua **Orang Yang Diinsuranskan** menaiki **Pengangkutan Berjadual** atau menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam tidak akan melebihi had sebanyak RM50 juta atau jumlah agregat pampasan dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

#### SEKSYEN 1.1 – KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

(a) Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** semasa **Tempoh Insurans** menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan kematian **Anda** dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar faedah kematian mengikut peratusan **Jumlah Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah.

#### SEKSYEN 1.2 – HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

(a) Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal (disahkan oleh Pengamal Perubatan) dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar faedah Hilang Upaya Kekal mengikut peratusan Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bagi jenis Hilang Upaya Kekal yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah.

#### Skala Faedah

(i)	Kematian disebabkan <b>Kemalangan</b>	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
(ii)	Hilang Upaya Kekal disebabkan <b>Kemalangan</b>	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
	Lumpuh Kekal dari leher ke bawah	
	Hilang dua belah lengan/kaki (dari buku lali atau pergelangan ke bawah)	

(i)	Hilang kekal penglihatan kedua-duanya (mata atau pendengaran)	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
	Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga dan satu anggota badan	
	Hilang penglihatan sebelah mata/sebelah telinga	50% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
	Hilang sebelah lengan/kaki (dari buku lali atau pergelangan ke bawah)	
Hilang daya bertutur		

- (i) Sekiranya berlaku satu (1) **Kemalangan** menyebabkan lebih dari satu (1) kecacatan yang dinyatakan dalam Skala Faedah dialami oleh **Anda**, **Kami** tidak akan membuat bayaran lebih daripada satu (1) faedah dan **Kami** hanya akan membayar peratusan yang tertinggi daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan.
- (ii) Agregat bagi semua peratusan yang akan dibayar di bawah Skala Faedah untuk mana-mana kemalangan semasa **Tempoh Insurans** tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sekiranya seratus peratus (100%) daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang telah dibayar dalam **Tempoh Insurans**, semua perlindungan di bawah polisi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkaitan akan berhenti berkuatkuasa dengan serta-merta dan selepas pembayaran seratus peratus (100%) daripada jumlah yang diinsuranskan, tanggungan **Syarikat** akan dilepaskan sepenuhnya di bawah polisi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** yang lain yang dinamakan dalam jadual/e-jadual, yang berkaitan, tidak akan terjejas.

#### SEKSYEN 1.3 – PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Jika **Anda** mengalami kematian akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar kos perbelanjaan yang dilakukan untuk urusan pengebumian.

### (B) FAEDAH BERKAITAN PERUBATAN

#### SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika **Anda** mengalami kematian, **Kecederaan** atau **Penyakit** semasa **Perjalanan/Lawatan** akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar balik bayaran atau kos atau perbelanjaan yang munasabah untuk:-

- (i) Kos perubatan, pembedahan, hospital atau rumah penjagaan;
- (ii) Rawatan pergigian atau pembedahan kecemasan yang diperlukan akibat **Kecederaan** yang dialami dalam **Kemalangan** yang disahkan oleh doktor gigi secara bertulis;
- (iii) Bayaran ambulans;
- (iv) Sebarang caj untuk rawatan **Perubatan Alternatif** tertakluk kepada sub limit sebanyak RM500 dan
- (v) Jika terdapat bayaran tambahan untuk menukar tiket penerbangan balik **Anda** ke tarikh lain atau kos untuk membeli tiket penerbangan balik yang baru sekiranya **Pengangkutan Berjadual** tidak boleh menukar tarikh pada tiket yang asal, dengan syarat:-
  - (a) **Anda** dimasukkan ke hospital pada tarikh dijadualkan untuk pulang
  - (b) **Pengamal Perubatan** hendaklah mengesahkan secara bertulis bahawa **Anda** tidak sesuai untuk pulang pada tarikh dijadualkan; dan
  - (c) kelas tiket penerbangan balik yang baru dibeli tidak lebih tinggi daripada kelas tiket penerbangan balik yang asal.

### SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN PERUBATAN LAIN

Proviso ini hanya berkaitan dengan Seksyen 3.1, 3.2 dan 3.3

- (a) Kami akan mengatur perkhidmatan ini melalui **Wakil Kami Yang Dibenarkan** untuk membantu **Anda** di dalam kecemasan semasa **Anda** berada dalam **Perjalanan/Lawatan** di luar negara. **Anda** boleh mengaktifkan perkhidmatan tersebut dengan menghubungi talian telefon kecemasan dua puluh empat (24) jam dengan panggilan secara pindah bayar.
- (b) Semua keputusan mengenai cara pengangkutan dan destinasi akan ditentukan oleh **Kami** atau **Wakil Kami Yang Dibenarkan**, yang berunding dengan **Kami**, dan hanya berdasarkan keperluan perubatan semata-mata setelah meneliti semua fakta dan keadaan yang **Kami** ketahui pada waktu tersebut.
- (c) Had maximum yang perlu dibayar di bawah Seksyen 3.1 Permindahan Perubatan Kecemasan, 3.2 Repatriasi Rawatan Kecemasan dan 3.3 Repatriasi Jenazah hendaklah diagregatkan dan tidak melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam jadual faedah.

#### SEKSYEN 3.1 – PERMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN

- (a) Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital untuk **Keadaan Penyakit Serius** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit**, namun kemudahan perubatan tempatan tidak mencukupi, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan menguruskan pemindahan perubatan terdekat dibawah seliaan perubatan yang berterusan.

#### SEKSYEN 3.2 – REPATRIASI RAWATAN KECEMASAN

- (a) Sekiranya **Anda** sakit atau mengalami kecederaan ketika berada di luar Negara, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan berunding dengan **Pengamal Perubatan** tempatan, yang akan menentukan rawatan bagi **Keadaan Penyakit Serius** yang dialami oleh **Anda** harus diteruskan di pusat perubatan di Malaysia dan apabila keadaan **Anda** telah stabil, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan mengatur penghantaran balik di bawah seliaan perubatan yang berterusan.

#### SEKSYEN 3.3 – REPATRIASI JENAZAH

- (a) Sekiranya kematian **Anda** disebabkan **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Wakil Kami Yang Dibenarkan** akan mengatur proses pengebumian atau pembakaran mayat di tempat kejadian di mana kematian berlaku termasuk kos pengangkutan yang munasabah untuk jasad atau abu ke Malaysia.

#### SEKSYEN 3.4 – RAWATAN SUSULAN

- (a) Sekiranya **Anda** memerlukan rawatan susulan akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** yang dialami di luar negara semasa **Perjalanan/Lawatan** dan menanggung perbelanjaan perubatan dan hospital di Malaysia dalam masa empat puluh lima (45) hari selepas **Anda** pulang ke Malaysia, **Kami** akan membayar balik untuk kos perbelanjaan rawatan susulan yang dilakukan (termasuk bayaran ambulans dan caj rumah jagaan. **Rawatan Alternatif** adalah tertakluk kepada sublimit RM500).
- (b) Sekiranya **Anda** tidak mendapatkan rawatan awal untuk **Kecederaan** atau **Penyakit** yang dialami di luar negara semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar balik kos perbelanjaan perubatan dan hospital dengan syarat rawatan tersebut mestilah dilakukan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan **Anda** di Malaysia.

#### SEKSYEN 3.5 – PENDAPATAN HOSPITAL

- (a) Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam

akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar untuk setiap tempoh dua puluh empat (24) jam ketika berada di dalam hospital dalam tempoh **Perjalanan/Lawatan**.

#### SEKSYEN 3.6 – PERLINDUNGAN KUARANTIN DI SEBABKAN PENYAKIT WAJIB LAPOR

- (a) Sekiranya **Anda** diletakkan di bawah kuarantin khas di hospital disebabkan oleh **Penyakit Wajib Laport** yang diisytiharkan dan melalui perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf di mana tempat yang **Anda** berada, **Kami** akan membayar untuk setiap tempoh dua puluh empat (24) jam selama **Anda** berada di bawah kuarantin.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:
  - (i) Faedah di bawah Seksyen ini jika Polisi ini dibeli dan bayaran premium insurans dibuat kurang dari dua (2) minggu sebelum keberangkatan **Anda** untuk **Perjalanan/Lawatan Anda**; atau
  - (ii) jika **Anda** membeli Polisi ini dan membuat bayaran premium selepas pengumuman mengenai **Penyakit Wajib Laport**.

#### SEKSYEN 3.7 – MANFAAT KUNJUNGAN IHSAN (DISEBABKAN PENYAKIT, KECEDEeraan ATAU KEMATIAN ORANG DIINSURANSKAN)

- (a) Sekiranya **Anda** dimasukkan ke dalam hospital akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar kos untuk penginapan tambahan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk melakukan perjalanan atau menyertai perjalanan dengan **Anda** dan untuk tinggal bersama **Anda** atas oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda**.
- (b) Sekiranya berlakunya kematian **Anda** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa **Perjalanan/Lawatan** dan tiada ahli keluarga yg dewasa bersama dengan **Anda** pada masa itu, **Kami** akan membayar balik bagi kos penginapan tambahan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah yang dilakukan untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk membantu urusan pengebumian atau pembakaran mayat di tempat di mana kematian berlaku.

Faedah ini di bawah Seksyen ini hanya akan dibayar untuk satu (1) tuntutan yang dibuat sekiranya berlaku kematian atau **Penyakit** atau **Kecederaan** kepada **Anda**, tetapi bukan untuk kedua-duanya, untuk mana-mana satu kejadian.

#### SEKSYEN 3.8 – PENJAGAAN ANAK

- (a) Sekiranya anak/kanak-kanak **Anda** dibiarkan tanpa pengawasan di luar negara disebabkan kemasukan **Anda** ke hospital akibat **Kemalangan** atau **Penyakit**, **Kami** akan membayar kos perbelanjaan untuk penginapan dan perjalanan tambahan yang munasabah (termasuk kos **Perjalanan/Lawatan** pergi balik tiket kelas ekonomi) yang ditanggung untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk menjaga dan/atau menemani anak/kanak-kanak **Anda** untuk pulang ke Malaysia.
- (b) Faedah Penjagaan Anak ini tidak terpakai untuk pelan tahunan kanak-kanak/pelan kanak-kanak.

#### SEKSYEN 3.9 – PENGHANTARAN UBAT-UBATAN

- (a) Sekiranya penghantaran ubat-ubatan yang diperlukan tidak terdapat dalam kawasan setempat dalam hal kecemasan dan jika undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tempatan membenarkan penghantaran tersebut, **Kami** akan membayar kos penghantaran oleh **Wakil Kami Yang Dibenarkan** untuk setiap satu **Perjalanan/Lawatan**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar kos ubat-ubatan tersebut.

## (C) FAEDAH KESULITAN PERJALANAN

### SEKSYEN 4 – PEMBATALAN DEPOSIT ATAU PERJALANAN

- (a) Kami akan membayar perbelanjaan yang tidak dapat di perolehi kembali yang telah dikeluarkan atau telah dikontrakkan untuk dibayar berkaitan dengan dengan penginapan **Anda**, caj pengangkutan, perbelanjaan perjalanan tambahan, caj perjalanan yang lain jika **Perjalanan/Lawatan** dibatalkan dalam peristiwa yang berikut:-
- (i) Kematian **Anda**, kematian mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau kematian **Teman Perjalanan Anda**, dengan syarat kematian tersebut berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum tarikh **Anda** dijadualkan berangkat;
  - (ii) Kemasukan **Anda**, mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** ke hospital pada tarikh **Anda** dijadualkan berangkat akibat **Kecederaan** atau **Penyakit Serius**;
  - (iii) **Kecederaan** atau **Penyakit** yang dialami oleh **Anda**, menyebabkan **Pengamal Perubatan** yang merawat mengesahkan secara bertulis bahawa **Anda** tidak sesuai untuk perjalanan pada tarikh **Anda** dijadualkan berangkat;
  - (iv) Kerosakan serius pada **Rumah Anda** akibat daripada kebakaran, banjir atau **Bencana Alam** yang memerlukan kehadiran **Anda** pada tarikh **Anda** dijadualkan berangkat;
  - (v) **Bencana Alam** di destinasi yang dijadualkan yang menghalang **Anda** daripada memulakan **Perjalanan/Lawatan**, dengan syarat bahawa **Bencana Alam** berlaku tidak lebih dari satu (1) bulan sebelum tarikh **Anda** dijadualkan berangkat.
- (b) Kami tidak akan membayar:-
- (i) Faedah di bawah Seksyen ini jika Polisi ini dibeli dan bayaran premium insurans dibuat kurang dari dua (2) minggu sebelum keberangkatan **Anda** untuk **Perjalanan/Lawatan Anda**; atau
  - (ii) jika **Anda** membeli Polisi ini dan membuat bayaran premium semasa atau selepas pengumuman mengenai **Bencana Alam** atau selepas belakunya apa-apa kejadian di bawah Seksyen 4(a).

### SEKSYEN 5 – PEMENDEKKAN PERJALANAN

- (a) Sekiranya **Anda** terpaksa memendekkan perjalanan semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** disebabkan kejadian yang dinyatakan dalam Seksyen 5(b) di bawah yang memerlukan **Anda** kembali ke Malaysia sebelum menghabiskan keseluruhan **Perjalanan/Lawatan Anda**, Kami akan membayar:-
- (i) Caj atau bayaran perbelanjaan yang tidak dapat diperolehi semula bagi sebahagian **Perjalanan/Lawatan** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik mengikut kadar hari-hari yang tidak digunakan yang telah dibayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh **Anda**;
  - (ii) Kos tambahan untuk menukar tiket balik anda pada tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket yang baru dimana kelas tiket penerbangan balik yang baru tidak lebih tinggi daripada kelas tiket penerbangan balik yang asal jika **Pengangkut Berjadual** tidak dapat menukar tarikh pada tiket yang asal.
- (b) Faedah di atas akan dibayar sekiranya:-
- (i) Kematian atau dimasukkan ke hospital yang dialami oleh **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** akibat **Kecederaan** atau **Penyakit Serius**;
  - (ii) Kematian yang tidak diduga oleh mana-mana **Ahli Keluarga Anda**;
  - (iii) **Penyakit** atau **Kemalangan** yang dialami oleh **Ahli Keluarga Anda** yang memerlukan kemasukan ke hospital selama lebih daripada empat puluh lapan (48) jam;
  - (iv) Kerosakan serius pada **Rumah Anda** yang disebabkan oleh kebakaran, banjir atau **Bencana Alam** yang seumpamanya yang memerlukan kehadiran **Anda**;

- (v) Bencana Alam di destinasi yang dijadualkan yang menghalang **Anda** daripada meneruskan **Perjalanan/Perjalanan** yang dijadualkan.

- (c) Kami tidak akan membayar:-

- (i) Caj atau belanja yang dibayar bagi tiket balik yang tidak digunakan sekiranya Kami membayar kos menukar tiket balik **Anda** ke tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket balik yang baru.

### SEKSYEN 6 – BAGASI PERIBADI ATAU KESAN PERIBADI

- (a) Sekiranya **Bagasi Peribadi** atau **Barangan Peribadi Anda** (termasuk pakaian yang dipakai) dicuri, rosak atau hilang semasa **Perjalanan/Lawatan**, Kami akan membayar ganti rugi setelah ditolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai:-
- (i) Sebarang kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Anda** akibat kecurian atau cubaan mencuri dengan syarat bahawa **Bagasi** dan **Barangan Peribadi** dibawa oleh **Anda** atau disimpan dan berada di bawah penjagaan hotel;
  - (ii) Kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Anda** oleh **Pengangkut Berjadual** tertakluk pada had yang ditetapkan dalam Bahagian 6 (b) di bawah.
- (b) Amaun maksimum yang Kami akan bayar bagi mana-mana barangan adalah:-
- (i) RM500 untuk dengan setiap barang, sepasang atau set barang;
  - (ii) Lebih dari suatu kadar nilai sesuatu barangan yang berpasangan atau set jika berlaku kehilangan atau rosak;
  - (iii) Agregat sebanyak RM1,000 yang berkaitan dengan Peranti Pintar.
- (c) Kami tidak akan membayar:-
- (i) Kehilangan atau kerosakan pada:-
    - (a) Barang kemas walaubagaimanapun berlaku;
    - (b) Peralatan sukan kecuali jika Sukan Tambahan (Rider Pilihan) dibeli (terma dan syarat yang berkenaan adalah seperti Bahagian 1 (D) Seksyen 23 polisi ini);
  - (ii) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh keadaan atmosfera atau iklim, lusuh atau gegat, haiwan perosak, kemerosotan berperingkat, gangguan mekanikal atau elektrik, sebarang kerosakan tersorok;
  - (iii) Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tidak dijaga kecuali ianya benar-benar tidak dapat dilihat di dalam but kenderaan yang telah dikunci sepenuhnya dan semua tingkap ditutup dan jelas terbukti ianya telah dipecah masuk;
  - (iv) Sebarang kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian itu disedari;
  - (v) Kehilangan atau kerosakan dimana **Anda** akan menerima penggantian atau pampasan sama ada dari **Pengangkut Berjadual** atau lain-lain.

### SEKSYEN 7 – DOKUMEN PERJALANAN

- (a) Sekiranya **Anda** kehilangan pasport atau visa dan/atau dokumen perjalanan di luar negara semasa **Perjalanan/Lawatan Anda** disebabkan kecurian, Kami akan membayar:-
- (i) untuk penginapan tambahan, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan komunikasi yang munasabah yang diperlukan dalam proses penggantian pasport atau visa dan/atau dokumen perjalanan tersebut;
- (b) Sekiranya kehilangan pasport dan dokumen perjalanan ketika dibawah jagaan **Pengangkut Berjadual**, **Anda** hendaklah melaporkan perkara ini serta merta sebaik sahaja kejadian ini disedari dimana laporan yang tidak selaras mengenai harta benda yang hendaklah diperolehi dan tuntutan mestilah dibuat terhadap **Pengangkut Berjadual**.

- (c) Pembayaran **Kami** di bawah faedah ini akan tertakluk terhadap **Anda** yang sentiasa menjaga sebaik mungkin dokumen perjalanan yang berkaitan dan melaporkan sebarang kehilangan kepada polis tempatan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kehilangan tersebut berlaku.
- (d) **Kami** tidak akan membayar:-
  - (i) Kehilangan pasport dan dokumen perjalanan ditinggalkan tanpa pengawasan di kawasan umum dimana orang awam mempunyai akses bebas.

#### SEKSYEN 8 – KELEWATAN BAGASI

- (a) Sekiranya bagasi yang didaftar masuk ditangguhkan, dikosongkan, diarahkan atau tersalah letak selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan di destinasi di luar negara atau balik ke Malaysia, **Kami** akan membayar:-
  - (i) untuk pembelian barangan penting dan munasabah;
  - (ii) apabila kembali ke Malaysia, faedah yang dibayar adalah sehingga maksimum RM200 untuk pembelian barangan penting dan munasabah.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:
  - (i) Jika **Anda** tidak melaporkan kepada **Pengangkut Berjadual** dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas mengetahui kehilangan;
  - (ii) untuk sebarang pembelian yang dibuat selepas **Anda** menerima bagasi anda dari **Pengangkut Berjadual**.

#### SEKSYEN 9 – KELEWATAN PERJALANAN

- (a) Sekiranya **Pengangkut Berjadual Anda** ditangguhkan/dijadualkan semula/dibatalkan selama sekurang-kurangnya enam (6) jam berdasarkan waktu yang ditetapkan dalam tempahan **Pengangkut Berjadual**, **Kami** akan membayar setiap enam (6) jam tempoh kelewatan.
- (b) Kelewatan itu mesti disahkan secara bertulis oleh **Pengangkut Berjadual** atau ejen yang berkaitan yang membuktikan jadual perlepasan/waktu ketibaan dan waktu sebenar perlepasan/waktu ketibaan **Pengangkut Berjadual**.
- (c) **Kami** tidak akan membayar:-
  - (i) Untuk sebarang kelewatan, penjadualan semula atau pembatalan disebabkan tindakan mogok atau tindakan pekerja industri, yang bermula atau diumumkan sebelum **Anda** membeli polisi ini atau diumumkan pada tarikh Tiket perjalanan **Anda** atau pengesahan tempahan telah dikeluarkan.

#### SEKSYEN 10 – TERLEPAS PERJALANAN

- (a) **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** untuk tambahan perbelanjaan penginapan dan perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam untuk sampai ke pelabuhan, lapangan terbang atau stesen keretapi untuk berlepas menggunakan khidmat **Pengangkut Berjadual**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar sekiranya:-
  - (i) **Anda** gagal untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen keretapi atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada **Anda** selain daripada kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam;
  - (ii) **Anda** lewat sampai di lapangan terbang, stesen kereta api atau pelabuhan selepas mendaftar masuk (kecuali lewat kerana kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam);
  - (iii) **Anda** sudah mengetahui kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam yang disebabkan tindakan mogok atau pekerja industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas.

#### SEKSYEN 11 – TERLEPAS SAMBUNGAN PERJALANAN

- a) Jika **Anda** terlepas sambungan **Pengangkut Berjadual** di satu pusat pertukaran disebabkan **Pengangkut Berjadual** yang seterusnya lewat tiba, **Kami** akan membayar perjalanan yang terlepas sehingga dua (2) sambungan perjalanan selanjutnya dengan syarat tiada pengangkutan alternatif disediakan untuk **Anda** pada masa ketibaan **Pengangkut Berjadual** yang seterusnya.
- (b) **Kami** tidak akan membayar sekiranya:-
  - (i) **Anda** gagal untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen keretapi atau pelabuhan untuk khidmat **Pengangkut Berjadual** mengikut jadual perjalanan yang telah diberikan;
  - (ii) **Anda** lewat sampai di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan untuk perkhidmatan pengangkutan awam selepas mendaftar masuk (kecuali lewat akibat mogok atau tindakan pekerja industri);
  - (iii) **Anda** terlewat sampai akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam disebabkan mogok atau tindakan pekerja industri yang dimulakan atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari Malaysia atau di luar negara;
  - (iv) Pampasan melainkan **Anda** telah mendapatkan pengesahan bertulis daripada **Pengangkut Berjadual** atau ejen yang berkaitan yang membuktikan jadual perlepasan/waktu ketibaan dan waktu sebenar perlepasan waktu ketibaan **Pengangkut Berjadual**.

#### SEKSYEN 12 – TEMPAHAN PERJALANAN BERLEBIHAN

- (a) Sekiranya **Anda** tidak dibenarkan menaiki **Pengangkut Berjadual** yang dijadualkan disebabkan oleh tempahan berlebihan, **Kami** akan membayar sekiranya terdapat kelewatan perlepasan **Pengangkut Berjadual** yang seterusnya dan tiada pengangkutan alternatif disediakan untuk **Anda** sekurang-kurangnya enam (6) jam dari waktu berlepas yang dijadualkan untuk **Pengangkut Berjadual** yang seterusnya.
- (b) **Kami** tidak akan membayar pampasan melainkan **Anda** telah mendapat pengesahan bertulis dari **Pengangkut Berjadual** atau ejen yang berkaitan yang membuktikan butiran tempahan yang berlebihan.

#### SEKSYEN 13 – KOS TAMBAHAN PEMULANGAN KERETA/ KAMPERVAN SEWA

- (a) Sekiranya **Anda** tidak dapat memulangkan kereta sewa atau kampervan yang disewa dari agensi sewa kenderaan berlesen ke depot sewa terdekat semasa dalam **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar:-
  - (i) jika **Anda** tidak dapat memulangkan kereta sewa atau kampervan akibat Kecederaan atau Penyakit Serius yang memerlukan kemasukan ke hospital;
  - (ii) kos tambahan untuk kereta sewa/campervan sekiranya **Anda** bertanggungjawab di bawah perjanjian sewa kereta/campervan
- (b) **Anda** mesti mematuhi semua peraturan agensi sewaan di bawah perjanjian sewa serta undang-undang, peraturan di negara **Anda** berada.
- (c) Faedah Kos Tambahan Pemulangan Kereta/Kampervan ini tidak boleh diguna pakai bagi pelan kanak-kanak/pelan tahunan kanak-kanak.

#### SEKSYEN 14 – LIABILITI PERIBADI

- (a) **Kami** akan membayar:-
  - (i) Liabiliti undang-undang **Anda** kepada pihak ketiga untuk pembayaran pampasan berkenaan dengan kematian atau **Kecederaan**, dan/atau kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda, yang berlaku semasa **Perjalanan/Lawatan And**, yang disebabkan oleh Kemalangan atau beberapa siri Kemalangan yang berpunca dari satu sumber atau sebab asal;



- (ii) Kos undang-undang yang munasabah dan perbelanjaan undang-undang untuk menyelesaikan atau mempertahankan tuntutan yang dibuat terhadap **Anda**.
- (b) Kami tidak akan membayar:-
  - (i) Sebarang liabiliti untuk kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda atau Kecederaan:
    - (1) diterima tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada **Kami**;
    - (2) dihadapi oleh sesiapa di bawah kontrak perkhidmatan dengan **Anda** dan terjadi akibat dari kerja yang mereka lakukan;
    - (3) kepada mana-mana ahli keluarga atau mana-mana orang lain yang melakukan perjalanan bersama **Anda**;
    - (4) yang timbul akibat tindakan yang sengaja atau tidak disengajakan oleh **Anda**;
    - (5) yang timbul dari sebarang tindakan sengaja, berniat jahat atau menyalahi undang-undang oleh **Anda**;
    - (6) yang timbul dari pekerjaan, kerjaya atau perniagaan **Anda** sendiri;
    - (7) yang timbul dari pemilikan, penjagaan, pengawalan sebarang haiwan milik **Anda**;
    - (8) dimana ganti rugi yang diberikan di bawah mana-mana insurans yang diambil oleh **Anda** dengan perjanjian yang mana tidak akan wujud tanpa kewujudan jika tiada lampiran perjanjian tersebut.

#### SEKSYEN 15 – RAMPASAN

Jika **Anda** merupakan penumpang yang berada dalam **Pengangkut Berjadual** yang telah dirampas semasa **Perjalanan/Lawatan** di luar negara, **Kami** akan membayar untuk setiap hari sehingga maksima dua puluh (20) hari dengan syarat **Pengangkut Berjadual** telah dirampas sekurang-kurangnya dua belas (12) jam.

#### SEKSYEN 16 – WANG PERIBADI

- (a) Jika **Anda** kehilangan **Wang Peribadi** daripada rompak atau kecurian semasa **Perjalanan/Lawatan**, **Kami** akan membayar untuk kehilangan **Wang Peribadi Anda** dengan syarat kerugian sedemikian dilaporkan kepada pihak polis tempatan dalam masa dua puluh empat (24) jam dari kejadian itu.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
  - (i) jika **Wang Peribadi** ditinggalkan tanpa pengawasan di tempat awam atau dalam kenderaan tanpa pengawasan;
  - (ii) jika **Wang Peribadi** hilang ketika di bawah jagaan **Pengangkut Berjadual**, kecuali jika melaporkan dalam masa dua puluh empat (24) jam setelah disedari dan jika laporan yang tidak selaras mengenai harta benda diperolehi;
  - (iii) Untuk kekurangan akibat oleh kesilapan, terlepas pandang, kadar pertukaran wang asing yang ditentukan di waktu kejadian atau susut nilai.

#### SEKSYEN 17 – INDEMNITI KAD KREDIT/KAD CAJ

- (a) Jika **Anda** mengalami kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar ganti rugi bagi perbelanjaan yang terdapat pada kad caj/kredit **Anda** kepada institusi kewangan yang terlibat dari permulaan **Perjalanan/Lawatan** sehingga tarikh **Kemalangan** apabila **Anda** mengalami kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat **Kemalangan**.
- (b) Faedah Indemniti Kad Kredit/Caj Kad ini tidak boleh diguna pakai untuk pelan tahunan pelan kanak-kanak/pelan tahunan/kanak-kanak.

#### SEKSYEN 18 – HOTEL HAIWAN PELIHARAAN

- (a) **Kami** akan membayar untuk kos tambahan yang dikenakan oleh hotel haiwan peliharaan seperti di dalam perjanjian jika **Anda** tidak dapat kembali dari **Perjalanan/Lawatan** atau tidak dapat mengambil haiwan peliharaan **Anda** disebabkan:-

- (i) **Anda** mengalami **Kecederaan** atau **Penyakit Serius** memerlukan dimasukkan ke hospital; atau
- (ii) Kelewatan **Pengangkut Berjadual** yang dinaiki oleh **Anda**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar jika kelewatan **Pengangkut Berjadual** telah dimaklumkan kepada **Anda** atau dimaklumkan secara umum terlebih dahulu semasa membeli polisi ini.
- (c) Faedah Hotel Haiwan Peliharaan ini tidak boleh diguna pakai bagi pelan kanak-kanak/pelan tahunan kanak-kanak.

#### SEKSYEN 19 – PENJAGAAN RUMAH

- (a) **Kami** akan membayar ganti rugi atau kerosakan bagi barangan **Rumah Anda** akibat kebakaran dan/atau kecurian (masuk secara paksa sahaja) apabila rumah itu ditinggalkan semasa **Anda** berada dalam **Perjalanan/Lawatan**.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:
  - (i) sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh haus, lusuh, susut nilai, proses pembersihan, perwarnaannya, pembaikan atau penyimpanan apa-apa artikel, kesan cahaya atau keadaan atmosfera, gegat, serangga, haiwan perosak atau apa-apa sebab lain yang terjadi secara beransur-ansur;
  - (ii) sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku disebabkan **Anda** yang mengabaikan atau membiarkan dengan sengaja;
  - (iii) kehilangan atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah apa-apa polisi insurans lain, pembayaran balik telah dibayar balik oleh mana-mana pihak lain.
- (c) Faedah Penjagaan Rumah ini tidak boleh diguna pakai bagi pelan tahunan kanak-kanak/pelan tahunan kanak-kanak.

#### SEKSYEN 20 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU KEHILANGAN BAYARAN PENUH DISEBABKAN INSOLVENSİ SYARIKAT PENERBANGAN/AGENSİ PELANCONGAN

- (a) Sekiranya **Perjalanan/Lawatan** yang dirancang dibatalkan kerana Insolvensi ejen perjalanan/agensi perjalanan atau **Pengangkut Berjadual**, **Kami** akan membayar kehilangan deposit perjalanan atau tambang perjalanan yang tidak dapat dipulangkan kembali.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
  - (i) ganti rugi secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa keperluan, peraturan atau akta kerajaan;
  - (ii) apa-apa ganti rugi di bawah Seksyen ini jika **Insolvensi** ejen perjalanan/agensi perjalanan atau **Pengangkut Berjadual** berlaku dimana **Anda** mengetahui mengenai Insolvensi tersebut, sebelum tarikh keluaran jadual/e jadual.

#### SEKSYEN 21 – PERLINDUNGAN EKSES KERETA SEWA

- (a) **Kami** akan membayar balik untuk sebarang akses atau jumlah yang boleh ditolak di mana **Anda** bertanggungjawab untuk membayar di bawah perjanjian kereta sewa disebabkan kehilangan atau kerosakan pada kereta yang disewa akibat daripada **Kemalangan** atau kecurian dengan syarat:-
  - (i) Kereta mestilah disewa dari agensi sewa berlesen;
  - (ii) **Anda** mesti mematuhi semua peraturan agensi sewaan di bawah perjanjian sewa, undang-undang, peraturan di negara lawatan.
- (b) **Kami** tidak akan membayar jika **Anda** hilang kelayakan disebabkan oleh sebarang perintah dari mana-mana mahkamah undang-undang atau dilarang menyewa dan/atau memandu oleh mana-mana undang-undang.

#### SEKSYEN 22 – PERLINDUNGAN KEGANASAN

**Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Anda** jika mengalami Kecederaan anggota badan, kematian dan hilang upaya kekal yang mungkin dialami akibat kegiatan Keganasan yang mana tidak ada liabiliti apabila kegiatan tersebut dan/atau kegiatan keganasan melibatkan penggunaan nuklear, senjata kimia atau senjata biologi ini atau apa-apa cara apabila digabungkan akan menghasilkan kemusnahan secara besar-besaran.

Bagi tujuan Klausa Ini:-

- (a) **Keganasan/Akta Keganasan** bermaksud tindakan atau sebarang tindakan orang perseorangan atau kumpulan, terikat secara politik, berunsur keagamaan, ideologi atau tujuan sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang atau mana-mana seksyen orang awam, di dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan. Tambahan pula pengganasan bagi Keganasan boleh bertindak secara berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
- (b) Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud penggunaan apa-apa bahan letupan senjata nuklear atau alat atau pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan atau pembelahan nuklear yang akan memancarkan satu peringkat radioaktif yang boleh melumpuhkan atau menyebabkan kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.
- (c) Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa bahan pepejal, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana apabila disebarkan mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.
- (d) Penggunaan senjata biologi untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa mikro-organisma berpenyakit (yang boleh mengakibatkan wabak) dan/atau secara biologinya menghasilkan toksin (termasuk pengubahsuaian secara genetik organisma dan penghasilan toksin tiruan secara kimia) yang mana mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia ataupun haiwan.

#### (D) SUKAN TAMBAHAN (RIDER PILIHAN)

Diperluaskan untuk melindungi **Anda** yang telah membayar premium tambahan untuk semua faedah seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah kecuali faedah Liabiliti Peribadi, jika belakunya sebarang kejadian yang tidak diingini terhadap **Anda** semasa aktiviti yang disenaraikan di bawah ini:

#### SEKSYEN 23 (A) – RIDER PILIHAN 1

##### Aktiviti Sukan

- (a) **Kami** akan membayar pampasan di bawah faedah yang berkaitan dengan polisi ini jika kerugian yang dialami oleh **Anda** adalah disebabkan secara langsung dengan aktiviti sukan berikut yang dijalankan semasa **Perjalanan /Lawatan** di luar Malaysia:-
- (i) Sukan Air - berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan arus deras (kelas 4 dan ke bawah), mendayung, kapal layar, aktiviti parasail, melayari, luncur angin (luncur papan), jet ski, selam skuba dan aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan tiruan (sehingga kedalaman air (kedalaman 50 meter).
- (ii) Sukan Musim Sejuk- luncur ais dan luncur papan salji, aktiviti ski, sledding dan kereta salji.
- (iii) Lain-lain\* – pendakian (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan pendakian lain) sehingga 3,500 meter atau kem mana-mana yang lebih rendah, terjun udara, peluncuran gantung, terjunan bungee, menunggang bola zorb, sephereing, orbing, belon udara panas, kenderaan serba guna (ATV). Sebarang aktiviti pendakian atau mendaki di Nepal dikecualikan dalam sukan tambahan ini.
- (iv) Lain-lain - pendakian (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan pendakian) sehingga 4,500 meter atau kem mana-mana yang lebih rendah, terjun udara, peluncuran gantung, terjunan bungee, menunggang bola zorb, sephereing, orbing, belon udara panas, kenderaan serba guna (ATV).

(b) **Kami** tidak akan membayar:-

- (i) **Kami** tidak akan membayar jika **Anda** tidak menitikberatkan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

#### SEKSYEN 23 (B) – RIDER PILIHAN 2

(Tertakluk kepada peruntukan bahawa aktiviti sukan/lawatan dikendalikan mestilah bersama dengan pengendali berlesen diperakui oleh pihak berkuasa tempatan).

##### Pendakian Gunung Altitud Tinggi

- (a) Sekiranya **Anda** mengalami kerugian yang dilindungi di bawah faedah yang berkaitan semasa mendaki gunung (tidak melibatkan penggunaan tali atau peralatan pendakian yang lain) sehingga 5,500 meter atau kem asas yang mana lebih rendah, **Kami** akan membayar pampasan terhadap **Anda** di bawah faedah yang berkaitan dengan syarat tempoh maksimum pendakian yang dijalankan tidak melebihi tiga puluh (30) hari. Sebarang aktiviti pendakian atau mendaki di Nepal dikecualikan dalam sukan tambahan ini.
- (b) **Kami** tidak akan membayar jika **Anda** tidak menitikberatkan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

#### SEKSYEN 23 (C) – KEROSAKAN PADA PERALATAN SUKAN

- (a) Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada Peralatan Sukan untuk Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Seksyen 23 (A) dan (B), **Kami** akan membayar balik kepada **Anda** bagi apa-apa kos yang munasabah yang ditanggung untuk penggantian atau pembaikan Peralatan Sukan, untuk setiap insiden untuk setiap Perjalanan/Lawatan.
- (b) **Kami** tidak akan membayar:-
- (i) Kerugian atau kerosakan akibat haus dan lusuh, atau apa-apa kerosakan semulajadi;
- (ii) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tanpa pengawasan melainkan jika ia tidak dapat dilihat di dalam kenderaan yang terkunci sepenuhnya dan tingkapnya ditutup dan ada bukti yang jelas mengenai kemasukan secara paksa;
- (iii) Kerosakan yang dilindungi oleh waranti pengilang; atau;
- (iv) Kerugian atau kerosakan dimana **Anda** akan menerima gantian atau pampasan dari Pengangkut Berjadual atau yang lain-lain.

## BAHAGIAN 2 – SYARAT AM

### 1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pelaksanaan dan penunaian terma-terma dan syarat-syarat polisi ini harus dilakukan atau tidak harus dilakukan oleh **Anda** atau wakil peribadi guaman **Anda** hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti **Kami** untuk membuat bayaran mengikut polisi ini.

### 2. Tafsiran

Polisi ini, termasuk permohonan, perakuan, Pengendorsan dan pindaan, jika ada hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu telah dilampirkan, melainkan kontrak tersebut menghendaki makna yang lain, mengkhususkan makna tertentu di mana ia boleh muncul

3. Pembayaran tuntutan adalah tertakluk kepada dan bersyarat apabila **Anda** merujuk seperti yang berikut:

- (a) Mengambil langkah berhati-hati dan sewajarnya untuk melindungi diri daripada Kemalangan, Kecederaan, kerugian atau kerosakan seolah-olah insurans ini tidak berkuatkuasa;
- (b) Melaporkan secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kembali ke Rumah Anda dengan memberikan butir-butir lengkap tentang sebarang Kemalangan, Kecederaan, kerugian atau kerosakan yang mungkin akan menimbulkan sebarang tuntutan di bawah polisi ini Anda dan wakil guaman Anda perlulah membiayai semua perbelanjaan untuk sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami;
- (c) Tidak memberi liabiliti atau membuat tawaran atau janji pembayaran disebabkan liabiliti tanpa kebenaran bertulis dari pihak Kami.

#### 4. Pindaan

**Syarikat** berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat polisi ini dan pindaan tersebut terhadap polisi ini hanya boleh berlaku jika dibenarkan oleh **Syarikat** dan disahkan. Sebarang pindaan hendaklah berkuat kuasa dari pembaharuan polisi ini seterusnya.

**Syarikat** akan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada **Orang yang Diinsuranskan** mengikut alamat terakhir yang direkodkan sebelum sebarang pindaan berlaku.

#### 5. Pembaharuan Automatik (Hanya untuk polisi tahunan sahaja)

Sekiranya **Anda** memilih untuk pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini dan tertakluk kepada pembayaran premium yang perlu dibayar, polisi ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun polisi apabila tamat tempoh melainkan polisi ini ditamatkan menurut perkara 6 (Penamatan).

Walau apa pun pembaharuan untuk polisi ini pada setiap ulang tahun polisi, sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran yang diberikan untuk pengunderaitan polisi ini atau sekiranya terdapat sebarang tuntutan yang timbul dalam tempoh sebelum polisi ini diperbaharui, **Syarikat** berhak untuk menyemak semula terma polisi ini, menyelaraskan premium, menolak pembaharuan atau menamatkan polisi ini.

#### 6. Penamatan

(a) Ini merupakan polisi tahunan dan mungkin akan terbatal disebabkan oleh keadaan yang berikut:

##### (i) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Jika pemegang polisi memberi notis kepada **Kami** untuk menamatkan polisi ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis itu, atau yang mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans semasa itu.

Skala bagi tempoh kadar pendek berikut hendaklah digunakan:

Tempoh Insurans	Peratusan Premium Tahunan yang Dikenakan
Dua (2) Bulan atau kurang	40%
Tiga (3) Bulan	50%
Empat (4) Bulan	60%
Lima (5) Bulan	70%
Enam (6) Bulan	75%
Lebih Enam (6) Bulan	100%

##### (ii) Penamatan oleh Kami

Sekiranya dalam kejadian **Kami** menamatkan polisi ini dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, **Kami** boleh memberi notis penamatan secara pos berdaftar kepada pemegang polisi di alamat terakhir yang diketahui. Penamatan ini akan berkuatkuasa tujuh (7) hari selepas tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan polisi ini, premium secara prorata akan dikembalikan kepada pemegang polisi dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Insurans semasa itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(b) Sekiranya polisi ini bukan polisi tahunan, pemegang polisi boleh menamatkan polisi ini dengan memberikan notis kepada **Kami** untuk menamatkan polisi ini dengan syarat bahawa Tempoh Insurans tidak bermula semasa tarikh penamatan polisi berkuatkuasa. Penamatan sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan, pemegang polisi berhak mendapat bayaran balik premium yang dibayar untuk polisi ini.

(c) Peruntukan berikut mengenai penamatan automatik polisi ini, hendaklah diguna pakai dengan sewajarnya kepada polisi tahunan dan polisi bukan tahunan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

##### (d) Penamatan Automatik

Polisi ini akan tamat secara automatik pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans. Walaubagaimanapun, perlindungan yang diberikan kepada **Anda** di bawah Polisi ini akan luput/tamat dalam keadaan berikut:

- (i) Apabila **Anda** di bawah pelan kanak-kanak dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan kanak-kanak; atau
- (ii) Apabila **Anda** di bawah Pelan Dewasa telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan dewasa; atau
- (iii) Apabila **Anda** mengalami kematian.

#### 7. Kewajipan Pendedahan

##### (a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya pemegang polisi memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion pemegang polisi**, pemegang polisi mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Kami dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang pemegang polisi ketahui ada berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

##### (b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, pemegang polisi **memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion pemegang polisi**, pemegang polisi mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang pemegang polisi tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang

seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai yang berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) Pemegang polisi juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, jika sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

#### 8. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah polisi ini, **Kami** berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan 7 yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

#### 9. Tunai Sebelum Perlindungan

- (a) Ini adalah syarat asas dan mutlak yang khusus di bawah polisi ini bahawa premium mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, polisi yang diperbaharui akan terbatal dari tarikh bermulanya polisi.

#### 10. Bayaran Faedah

- (a) Bayaran apa-apa faedah di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat di sini. Faedah yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar kepada **Anda**. Faedah yang perlu dibayar di bawah polisi ini berkenaan dengan sebarang tuntutan oleh atau bagi pihak mana-mana anak/kanak-kanak yang diinsuranskan di bawah ini hendaklah dibayar kepada **Anda** yang telah membeli polisi tersebut, dengan syarat **Anda** mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan terhadap anak/kanak-kanak tersebut.
- (b) Sebarang faedah yang dibayar di bawah polisi ini sekiranya berlaku kematian **Anda** hendaklah dibayar kepada individu sebagaimana yang diarahkan oleh **Anda** secara bertulis atau kepada wakil peribadi sah **Anda** jika tiada arahan bertulis daripada **Anda**.
- (c) Sekiranya faedah dibayar untuk membayar balik sebarang perbelanjaan atau caj yang ditanggung oleh orang selain **Anda** yang dilindungi di bawah polisi ini, tuntutan untuk pembayaran faedah tersebut akan dibuat oleh **Anda**.
- (d) Sekiranya sebarang tuntutan di buat adalah satu penipuan, atau terdapat pengistiharan atau pernyataan palsu yang dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Kami** berhak untuk menolak tuntutan tersebut dan menamatkan Polisi ini atau perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana yang berkenaan

11. **Kami** tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan di bawah polisi ini atau untuk penangguhan yang disebabkan oleh serangan atau syarat di luar kawalan **Kami**, tetapi tidak terhad kepada keadaan penerbangan atau di mana undang-undang tempatan atau agensi kawal selia melarang **Kami** daripada membuat perkhidmatan sedemikian.

#### 12. Tambahan Tempoh Insurans

**Tempoh Insurans** bagi polisi ini akan dilanjutkan secara automatik tanpa sebarang tambahan premium bagi setiap tambahan hari yang munasabah sehingga:-

- (a) Empat belas (14) hari sekiranya sebarang kenderaan, kapal laut atau kapal terbang di mana **Anda** dalam perjalanan sebagai penumpang yang memegang tiket yang telah tertunda/terbatal perjalanannya atau dijadualkan semula;
- (b) Tiga puluh (30) hari jika perjalanan balik **Anda** yang dirancang terhalang akibat dari **Kecelakaan** anggota badan atau mengalami **Penyakit** Yang timbul dari sebab yang dilindungi di bawah Polisi ini;
- (c) Empat belas (14) hari untuk satu (1) Teman Perjalanan (yang juga dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di bawah jadual/e jadual) yang bersama **Anda** jika **Perjalanan/Lawatan Anda** terhalang disebabkan **Kecelakaan** atau **Penyakit**.
- (d) Empat belas (14) hari untuk semua **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah pelan keluarga yang sama yang turut serta bersama **Anda** jika **Anda** terhalang pulang disebabkan kederaan atau penyakit.

13. **Kami** hendaklah diberi hak keatas semua kuasa subrogasi (berkenaan dengan pampasan yang dibayar kepada **Anda** di bawah polisi ini) sama ada dengan cara tanggung rugi atau sebaliknya dan **Anda** hendaklah memberikan semua maklumat dan memberikan segala bantuan mengikut kemampuan **Anda** kepada **Kami** berhubung dengan perkara tersebut dan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan seperti apa yang diperlukan semunasabahnya oleh **Kami**.

#### 14. PA-CL090 Limit Sekatan dan Klausu Pengecualian

Tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama dianggap sebagai memberikan perlindungan dan tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa faedah di bawah ini yang berkaitan, dimana pembayaran tuntutan atau provisi untuk faedah berkaitan akan mendedahkan penanggung insurans/penanggung insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

## BAHAGIAN 3 – PENGEUALIAN AM

1. **Kami** tidak akan membayar tuntutan yang disebabkan oleh atau yang menyebabkan:
- (a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengekelan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, rusuhan atau kekacauan awam, sekat-masuk atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;
- (b) penangguhan, rampasan, penahanan, rekuisis, kerosakan, kemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai-pegawai kerajaan lain atau pihak berkuasa mana-mana negara;
- (c) radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa sisa nuklear yang terhasil akibat pembakaran bahan bakar nuklear;
- (d) bahan letupan toksik radioaktif atau bahan-bahan berbahaya lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
- (e) kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;

- (f) aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombangan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau mengendalikan bahan letupan;
  - (g) **Anda** melibatkan diri dalam sebarang aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang-undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi semasa Perjalanan;
  - (h) penglibatan **Anda** dalam penerbangan, selain daripada penumpang yang membayar tambang;
  - (i) penyertaan langsung anda dalam mana-mana Akta Keganasan;
  - (j) sebarang kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
  - (k) perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan **Kami**.
  - (l) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walaupun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, varisi atau rawatnya walau apa pun puncanya;
  - (m) rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
  - (n) **Anda** yang telah menerima diagnosis terminal;
  - (o) **Anda** membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau di atas nasihat perubatan di mana perjalanan dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
  - (p) kegagalan untuk mendapatkan pemvaksinan yang diperlukan sebelum berlepas;
  - (q) Sebarang **Penyakit Wajib Laport** yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang, melainkan dinyatakan sebaliknya disini;
  - (r) **Orang Yang Diinsuranskan** membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya selain dari cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia atau melakukan perbuatan jenayah;
  - (s) **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan bahan lain selain yang dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan tetapi tidak apabila dipreskripsikan untuk rawatan ketagihan dadah;
  - (t) **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah pengaruh alkohol atau arak yang memabukkan;
  - (u) apa-apa kos rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, melahirkan anak, keguguran, pengguguran dan semua komplikasi yang berkaitan, kecuali untuk keguguran disebabkan kecenderaan anggota badan akibat Kemalangan;
  - (v) **Penyakit Sedia Ada**;
  - (w) Penyakit atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan;
  - (x) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak akan terpakai bagi lesen telah luput tetapi tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan).
2. **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada:-
- (a) **Anda** yang menyertai aktiviti berbahaya, melainkan sukan tersebut telah dilindungi di bawah Sukan Tambahan (Rider Pilihan) yang telah dibeli oleh Anda;
  - (b) **Anda** yang terlibat dalam latihan, mengambil bahagian atau berlatih di mana-mana pertandingan kelajuan atau perlumbaan, mana-mana pertandingan profesional atau sukan atau mana-mana sukan di mana **Anda** akan mendapat atau boleh mendapat atau menerima bayaran, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan.

3. Klausula Risiko Siber – Gantirugi yang dinyatakan dalam Seksyen 4, 5, 9,10, 11, 12 dan 14 tidak akan diguna pakai bagi liabiliti yang berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau kerugian yang timbul daripada sebarang aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau perniagaan menerusi internet, extranet dan/atau melalui laman web **Anda** sendiri, laman internet, alamat web Orang Yang Diinsuranskan dan/atau melalui penghantaran dokumen elektronik.

## BAHAGIAN 4 – TUNTUTAN

### LANGKAH PENJAGAAN YANG MUNASABAH

**Orang Yang Diinsuranskan** mesti melakukan kemungkinan yang munasabah untuk mengelakkan kerugian, atau apabila terjadi kerugian, memastikan kerugian tersebut dapat dikurangkan. Jika **Orang Yang Diinsuranskan** tidak berbuat demikian, **Kami** berhak untuk mengurangkan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** dengan jumlah yang menjejaskan **Kami** kerana kegagalan **Orang Yang Diinsuranskan** untuk mengurangkan kerugian, atau menolak tuntutan keseluruhan **Orang Yang Diinsuranskan**.

### Senarai semak mengenai Dokumen Tuntutan Yang Diperlukan

Seksyen/Faedah	Tindakan/Dokumen diperlukan
Tuntutan Kemalangan Diri berkaitan perubatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Laporan Perubatan atau Sijil Kematian</li> <li>3. Bil/Resit Perubatan asal</li> <li>4. Nota atau ringkasan Kemasukan/Keluar Hospital</li> </ol>
Pembatalan Deposit atau Perjalanan Pemendekkan perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Pengesahan tempahan pengendali pelancongan</li> <li>3. Invois pembatalan dan bayaran balik yang perlu dibayar</li> <li>4. Laporan Perubatan/Sijil Kematian ahli keluarga terdekat Anda</li> <li>5. Bukti hubungan antara Anda dengan dan ahli keluarga contohnya. sijil kelahiran, sijil perkahwinan</li> <li>6. Resit asal semua jumlah yang dituntut</li> </ol>
Kelewatan perjalanan Kelewatan bagasi Terlepas pelepasan Terlepas Sambungan perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Pengesahan bertulis dari Pengangkut Berjadual mengenai tempoh kelewatan (dalam bilangan jam), tarikh dan masa sebenar keberangkatan dan sebab-sebab kelewatan/terlepas keberangkatan/sambungan</li> <li>3. Resit asal perbelanjaan tambahan untuk penginapan &amp; perjalanan</li> <li>4. Pas atau jadual perjalanan</li> </ol>
Bencana Alam di Destinasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Resit asal untuk perjalanan dan penginapan yang dibayar</li> <li>3. Salinan tiket penerbangan</li> </ol>
Kos Tambahan bagi Kereta Sewa/ Pemulangan Campervan/Ekses Kereta Sewa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Perjanjian Sewa Kereta dan resit yang asal untuk kos tambahan pemulangan kereta sewa</li> <li>3. Laporan Perubatan</li> </ol>

Bagasi peribadi atau Barangan peribadi Wang Peribadi Dokumen Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Saliran laporan dari pihak yang berkaitan</li> <li>3. Laporan ketidakteraturan hartanah dari Pengangkut Berjadual</li> <li>4. Pengesahan bertulis dari Pengangkut Berjadual mengenai kehilangan bagasi</li> <li>5. Resit asal untuk item yang dituntut</li> </ol>
Liabiliti Peribadi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Saliran laporan dari pihak yang berkaitan</li> <li>3. Semua surat-menyurat/dokumen dari Pihak Ketiga</li> </ol>
Indemniti Kad Kredit/ Kad Cas	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Penyata Kad Kredit/Kad Cas</li> <li>3. Laporan Perubatan</li> <li>4. Saliran laporan dari pihak yang berkaitan</li> </ol>
Hotel Haiwan Peliharaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Resit asal</li> <li>3. Laporan perubatan</li> </ol>
Kehilangan Deposit Atau Kehilangan Bayaran Penuh Disebabkan Syarikat Insolvensi Penerbangan/ Agensi Pelancongan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap</li> <li>2. Surat yang sah dari Agensi Pelancongan/ Syarikat Penerbangan yang berkaitan yang menunjukkan perkara tersebut adalah disebabkan Insolvensi</li> <li>3. Perjalanan dan pengesahan tempahan</li> <li>4. Resit asal</li> </ol>

Sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam jadual di atas, **Anda** juga perlu memberikan kepada **Kami** sebarang dokumen yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh **Kami** dan hendaklah dalam apa-apa bentuk dan apa-apa jenis yang ditetapkan oleh **Kami**.

## BAHAGIAN 5 – DEFINISI

**KEMALANGAN** bermaksud sebarang peristiwa mengejut atau tidak diduga dan peristiwa ganas terjadi secara langsung dan secara tidak langsung daripada tindakan punca luaran yang jelas selain daripada akibat perbuatan kecederaan diri yang disengajakan.

**AKTA KEGANASAN** adalah suatu perbuatan, termasuk secara paksaan atau kekerasan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, yang dilakukan bagi tujuan politik, agama atau ideologi termasuk berniat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan penduduk awam dalam ketakutan bagi tujuan tertentu.

**PERUBATAN ALTERNATIF** bermaksud rawatan yang dijalankan oleh seorang pengamal perubatan tradisional, selain **Anda**.

**WAKIL KAMI YANG DIBENARKAN** bermaksud wakil yang layak yang akan dilantik oleh **Kami** dari semasa ke semasa untuk menyediakan perubatan keputusan dan perkhidmatan yang diperlukan di bawah polisi ini

**PENGANGKUT BERJADUAL** bermaksud mana-mana pengangkut darat, laut atau udara dikendalikan di bawah lesen dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan berjadual yang teratur bagi individu yang melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

**SYARIKAT** bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V).

**PENGENDORSAN** bermaksud penjelasan lanjut atau terma lanjut yang dipersetujui oleh **Syarikat** yang diselaraskan bersama atau terma yang ditukar berlainan daripada polisi dan/atau jadual/ejadual.

**AHLI KELUARGA** bermaksud satu (1) pasangan yang sah dipilih oleh pemegang polisi suami/isteri, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, datuk nenek mertua, moyang, anak kandung/anak angkat secara sah, cucu, cicit, adik beradik, abang ipar, adik ipar dan kakak ipar.

**KAWASAN GEOGRAFI** bermaksud kawasan geografi yang dipilih oleh Anda di luar Malaysia yang dirujuk sebagai "Asia" atau "Seluruh Dunia" dalam jadual/ejadual. Istilah "Asia" dan "Seluruh Dunia" ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Asia yang ditakrifkan sebagai Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, Taiwan, Korea, China, termasuk Hong Kong dan Macau, Laos, Vietnam, Myanmar, Kemboja, India, Sri Lanka, Maldives, Bangladesh, Nepal, Australia, New Zealand dan Jepun;
- (b) Seluruh Dunia ditakrifkan sebagai semua negara termasuk Asia (sebagaimana yang dinyatakan di atas) kecuali Negara-Negara Terkecuali;

**Bagi maksud definisi "Kawasan Geografi", istilah "Negara-Negara Terkecuali" termasuk Israel, Iran, Syria, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Korea Utara, Somalia, Sudan, Sudan Selatan, Zimbabwe dan semua negara sekatan dan negara yang diisytiharkan perang.**

**AKTIVITI BERBAHAYA** bermaksud mendaki gunung, turun gunung atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian yang lain, menembak paintball, memanjat dalam ruangan tertutup, terbang atau aktiviti udara lain, perlumbaan, aktiviti sukan profesional dan apa-apa jenis pertandingan, apa-apa aktiviti percutian sukan yang ditaja dan apa-apa aktiviti lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu dan melibatkan pendedahan kepada risiko.

**RAMPASAN** bermaksud pengambilan yang menyalahi undang-undang atau mengambil alih kawalan secara tidak sah ke atas pengangkutan awam dari kakitangan terbabit secara kekerasan.

**RUMAH** bermaksud tempat kediaman **Anda** di Malaysia

**DI NEGARA SENDIRI** bermaksud Malaysia.

**PENYAKIT** bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan yang diperakui oleh mana-mana **Pengamal Perubatan**.

**KECEDERAAN** bermaksud kecederaan anggota badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

**INSOLVENSI** bermaksud ketidakupayaan satu entiti untuk membayar hutangnya yang perlu dibayar disebabkan pemberhentian semua entiti dengan atau tanpa pemfailan petisyen penggulungan.

**ORANG YANG DIINSURANSKAN** bermaksud setiap orang yang dinamakan dalam jadual/ejadual dan mestilah warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja yang sah, pemegang pas pelajar yang sah atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau suami/isterinya dan/atau anak/kanak-kanak yang bermastautin di Malaysia. Yang sebagaimana dinamakan di dalam jadual/ejadual.

**PERJALANAN/LAWATAN** bermaksud **Perjalanan/Lawatan** bermula apabila Anda berangkat dari **Rumah Anda** atau tempat perniagaan di **Negara Sendiri** (yang mana-mana kemudiannya) untuk memulakan

perjalanan ke destinasi yang dimaksudkan, dengan syarat bahawa Perjalanan/Lawatan tidak bermula lebih dari dua puluh empat (24) jam sebelum tempahan atau waktu berlepas yang dijadualkan sehingga Anda kembali ke **Rumah Anda** atau tempat perniagaan di Negara Sendiri (mana-mana yang lebih awal) dan terhenti pada mana-mana yang berikut:

- (i) **Anda** telah kembali ke **Rumah** atau tempat perniagaannya di Negara Sendiri;
- (ii) Dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan **Anda** ke Malaysia;
- (iii) **Tempoh Insurans** tamat seperti yang dinyatakan dalam jadual/ ejadual.

Untuk **Perjalanan/Lawatan** sehala, perlindungan di bawah polisi ini akan terhenti dua puluh empat (24) jam dari masa ketibaan yang dijadualkan di destinasi luar negara.

Tempoh untuk setiap **Perjalanan/Lawatan** tidak boleh melebihi dua ratus (200) hari berturut-turut dari tarikh permulaan **Perjalanan/Lawatan**. Tempoh untuk polisi tahunan untuk setiap **Perjalanan/Lawatan** tidak boleh melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut dari tarikh permulaan **Perjalanan/Lawatan**.

Dengan syarat bahawa mana-mana persinggahan, tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari melainkan jika kelewatan itu berada di luar kawalan **Orang yang Diinsuranskan**.

**PENGAMAL PERUBATAN** bermaksud **Pengamal Perubatan** yang berkelayakan (selain daripada **Anda**) yang mempunyai lesen dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan moden yang memberikan rawatan, mengamalkan mengikut skop pelesenan dan latihannya dinegara di mana rawatan disediakan.

**BENCANA ALAM** bermaksud kesan bahaya semula jadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada banjir, puting beliung, taufan, kebakaran hutan, letusan gunung berapi, gempa bumi, gelombang haba, tsunami, ribut pasir atau tanah runtuh.

**PENYAKIT WAJIB LAPOR** bermaksud **Penyakit** yang dihidap oleh **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan oleh pandemik influenza dan apa-apa **Penyakit** yang lain yang telah diisytiharkan sebagai pandemik atau epidemik oleh pihak berkuasa kerajaan atau kesihatan awam.

**TEMPOH DIINSURANS** bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual/eJadual.

**BARANGAN PERIBADI** bermaksud barangan peribadi milik **Anda**, yang dibawa bersama oleh **Anda** dalam **Perjalanan/Lawatan** atau yang diperolehi oleh **Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

**BAGASI PERIBADI** bermaksud setiap beg pakaian **Anda**, peti atau bekas atau yang seumpamanya dan kandungan serta barangan yang dibawa oleh **Anda** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

**WANG PERIBADI** bermaksud wang kertas bank dan nota wang, wang tunai, cek, wang pos dan kiriman wang, setem pos semasa, cek kembara, kupon atau baucar yang mempunyai nilai kewangan dan tiket perjalanan, semua yang dipegang untuk kegunaan persendirian **Anda** semasa **Anda** tiada di Rumah, dan semasa dalam jagaan **Anda** pada setiap masa melainkan disimpan di dalam peti besi hotel.

**PENYAKIT SEDIA ADA** bermaksud sebarang keadaan bagi rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis, konsultasi dan/atau ubat-ubatan yang ditetapkan atau diterima dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum **Perjalanan/Lawatan** yang dimulakan.

**PENYAKIT SERIUS** bermaksud:

- (a) di mana sesuatu **Penyakit** yang dialami menyebabkan **Anda** tidak sesuai untuk meneruskan **Perjalanan/Lawatannya** yang disahkan

oleh **Pengamal Perubatan** dan **Anda** perlu mendapatkan rawatan di hospital; atau

- (b) berkenaan dengan orang selain **Anda**, **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan** yang boleh mengancam nyawa.

**KEADAAN PERUBATAN YANG SERIUS** bermaksud keadaan di mana pada pendapat pihak **Kami** atau **Wakil Kami Yang Dibenarkan** atau wakil yang diberi kuasa merupakan kecamasan perubatan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan serta merta bagi mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan belakunya kematian atau gangguan serius kepada prospek keishitan **Anda** dalam tempoh terdekat atau dalam jangka yang panjang.

**PERANTI PINTAR** bermaksud peranti elektronik, seperti telefon pintar, tablet, iPad, PDA, komputer atau komputer riba dan peralatan yang seumpamanya.

**TEMAN PERJALANAN** bermaksud individu yang didaftarkan bersama dalam **Perjalanan/Lawatan** yang sama dengan **Anda**.

**ANDA/KAMU** bermaksud **Orang yang Diinsuranskan**.

**KAMI/KITA** bermaksud **Syarikat**.

## Penyerahan Aduan



Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:


### Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

## Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

### OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 enquiry@ofs.org.my

 ofs.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

### Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.


### Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 bnmtelink@bnm.gov.my

 bnm.gov.my

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.



Wakil Sah Talian Kecemasan 24-Jam

603 7628 3919

603 7965 3919

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)   AllianzMalaysia  [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

